

ZAKAT PERAK: ASAS KEWAJIPAN DAN AMALAN DI MALAYSIA

Muhsin bin Nor Paizin
Pusat Pungutan Zakat, Kuala Lumpur

Pengenalan

Zakat adalah derivatif daripada perkataan bahasa Arab yang memberikan berbagai-bagai makna seperti tumbuh, suci, rahmat dan berkembang. Secara terminologi, ulama fikah, seperti yang dinyatakan oleh Mujaini Tarimin (2012), mendefinisikan zakat sebagai “penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada segolongan orang yang berhak menerimanya melalui amil yang bertauliah bagi mencari keredhaan Allah (ibadah), penyucian diri dan harta kekayaan untuk membangunkan masyarakat berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak.”

Secara umum, zakat boleh dikategorikan kepada dua jenis, iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah merupakan zakat peribadi yang juga dikenali sebagai zakat badan ataupun zakat bulan Ramadan yang kewajipannya hanya pada bulan Ramadan sahaja. Manakala zakat harta terdiri daripada zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat emas, zakat perak, zakat wang simpanan, zakat saham, dan sebagainya yang jenisnya berkembang selaras dengan definisi dan pemilikan harta yang sentiasa berubah dalam sesuatu zaman. Namun begitu, artikel ini mengehadkan penelitian kepada zakat perak sahaja.

Kepentingan Zakat Perak

Logam perak ialah logam yang berharga dan berguna. Pada zaman dahulu, perak digunakan sebagai alat tukaran (wang) dalam urusan jual beli. Selain emas (dinar), masyarakat Arab menggunakan logam perak (*dirham*) sebagai medium mata wang utama dalam sistem ekonomi mereka. Namun, kini perak dijadikan sebagai material yang digunakan dalam proses pembuatan produk. Penempaan syiling perak tidak lagi dianggap sebagai wang, malah bertukar kegunaannya menjadi alat simpanan nilai dan pelaburan apabila didagangkan pada setiap hari dalam pasaran komoditi antarabangsa.

Syariah memandang logam perak sebagai harta kekal yang berkembang dan harus dizakatkan apabila memenuhi syarat-syarat zakat, seperti: (i) milik orang Islam; (ii) pemilik yang merdeka; (iii) pemilikan sempurna; (iv) cukup

atau melebihi had minimum (nisab); dan (v) genap tempoh haul, yang akan dijelaskan secara terperinci dalam perbincangan seterusnya. Zakat yang dikenakan ke atas perak termasuklah yang berbentuk syiling, jongkong, perkakasan, barang perhiasan, barang kemas dan sebagainya.

Topik berkenaan zakat perak amatlah wajar dibincangkan dan disampaikan kepada pelbagai pihak, terutamanya ahli akademik dan pelaksana zakat kerana perbincangan khusus mengenai zakat perak sukar didapati dalam penulisan kini. Objektif penulisan artikel ini adalah untuk menyerlahkan kepentingan zakat perak dan memberi gambaran umum berkaitan sejarah serta isu semasa yang berlegaran sekitar pelaksanaan zakat ini dengan penumpuan terhadap implementasinya di Malaysia.

Sejarah Dirham Perak Dalam Tamadun Islam

Pada zaman kerasulan Nabi Muhammad SAW, masyarakat Arab menggunakan dua jenis logam sebagai alat tukaran wang iaitu emas dan perak. Emas digunakan dalam bentuk syiling dinar manakala perak dalam bentuk syiling dirham. Kebanyakan dinar dan dirham yang beredar dalam pasaran Mekah berasal dari empayar-empayar luar. Interaksi masyarakat Arab sejak zaman sebelum Islam dengan kerajaan-kerajaan sekitarnya menerusi aktiviti perdagangan telah menyumbang kepada pengenalan wang dinar dan dirham dalam kalangan masyarakat Arab.

Pada zaman Jahiliah, masyarakat Arab tidak mempunyai mata wang yang khusus dalam urusan jual beli. Walau bagaimanapun, perhubungan yang berlaku antara masyarakat Arab dengan masyarakat luar, seperti Rom dan Parsi yang datang berdagang di sekitar Semenanjung Arab telah memperkenalkan masyarakat Arab kepada wang yang digunakan di Rom dan Parsi. Rom dan Parsi merupakan empayar yang berpengaruh pada zaman Jahiliah di Semenanjung Arab dan di sekitarnya. Malah, kekuasaan kedua-dua empayar tersebut berlangsung berabad-abad lamanya sebagai empayar yang sangat berpengaruh pada zaman silam (Shariff, 1965).

Logam *dirham* tidak mempunyai piawaian saiz yang tepat pada masa itu. Hal ini dapat dilihat apabila *dirham* mempunyai ketumpatan dan berat yang berbeza-beza. Justeru, masyarakat Arab pada zaman Jahiliah menjalankan urusan jual beli melalui timbangan berat emas dan perak antara satu sama lain (Wan Kamal, 2009). Menerusi sistem ini, pedagang akan menentukan nilai barang yang dijual menerusi berat timbangan dinar atau dirham tersebut.

Mata wang dinar dan dirham seterusnya kekal diguna pakai sebagai mata wang utama dalam kegiatan ekonomi sepanjang zaman Rasulullah

SAW, zaman Khulafa al-Rasyidin dan hingga ke zaman dinasti pemerintahan empayar Islam. Namun, fungsi dinar dan dirham perak berakhir akibat kehancuran kerajaan Uthmaniyyah setelah meletusnya Perang Dunia Pertama. Pada waktu itu, kerajaan Uthmaniyyah telah mengisytiharkan satu-satunya bentuk mata wang yang sah dan boleh diperlakukan hanyalah wang kertas, sementara wang syiling emas dan perak dimansuhkan (Wan Kamal, 2009). Peraturan penggunaan wang baharu ini berkuatkuasa di kesemua wilayah di bawah pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah. Tahun 1343H (1924M) merupakan tahun di mana wang dinar dan dirham tidak lagi menjadi wang rasmi kerajaan Uthmaniyyah.

Kini, manfaat perak bertukar daripada sebuah mata wang kepada salah satu komoditi utama yang diperdagangkan di pasaran komoditi antarabangsa. Logam perak digunakan untuk menghasilkan barang perhiasan, barang kemas, peralatan dan perkakas dapur yang bernilai tinggi, serta digunakan untuk menghasilkan konduktor (pengalir) elektrik, penyambung elektrik dan peralatan perubatan. Logam perak juga ditempa sebagai duit syiling, khasnya untuk hiasan dan pelaburan serta sebagai alat simpanan mata wang fiat dalam medium yang lebih stabil.

Islam memandang perak sebagai aset yang penting kerana perak ialah harta kekal yang tidak dimakan masa dan berkemampuan untuk tumbuh berkembang. Walaupun kegunaan perak telah berubah pada zaman moden berbanding dengan zaman dahulu, namun fizikal perak yang masih kekal sebagai alat simpanan nilai dan simbol kekayaan seseorang masih utuh pada pandangan masyarakat. Justeru, kewajipan syariat zakat ke atas perak kekal termaktub dan seharusnya ditunaikan oleh orang Islam.

Kewajipan Zakat Perak

Nas al-Quran dan al-Hadith

Dirham perak telah digunakan sebagai mata wang dalam kegiatan ekonomi semasa zaman Rasulullah SAW. Perak dilihat sebagai simbol kehartawanan dan kekayaan seseorang yang boleh berkembang dan hidup serta menggerakkan kegiatan muamalat sesama manusia. Hal ini diperkatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dihiaaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-

binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).”

(Surah *Ali-Imran* 3: 14)

Allah SWT telah mewajibkan zakat ke atas perak. Kewajipan menunaikan zakat perak telah disebutkan secara terang dan jelas dalam kitab suci al-Quran melalui ayat dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakkannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): ‘Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.’”

(Surah *At-Taubah* 9: 34-35)

Begitu juga ancaman-ancaman yang telah disebut oleh Nabi Muhammad SAW terhadap seorang Muslim sekiranya mengabaikan perintah zakat:

Abu Hurairah meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Siapa sahaja yang menjadi tuan punya emas dan perak dan tidak menunaikan zakatnya, pada hari kiamat nanti akan disediakan kepadanya hamparan api yang dipanaskan oleh neraka. Dengan api itulah akan diselarkan rusuk dan belakangnya . . .”

(Sahih Muslim)

Al-Quran dan hadith banyak memperincikan hukuman dan azab yang bakal diterima oleh seseorang sekiranya tidak menunaikan zakat. Ia bukanlah suatu kezaliman tetapi satu bentuk keadilan kepada mereka yang dinafikan haknya (asnaf) untuk menerima zakat.

Kewajipan zakat perak kemudiannya diterangkan secara lebih terperinci yang meliputi kadar nisab dan tempoh haul melalui hadith Rasulullah SAW, iaitu yang bermaksud:

Diriwayatkan oleh Abu Sa'id Al-Khudri, Rasulullah SAW bersabda: "Tidak ada zakat pada kurang dari lima ekor unta, tidak ada zakat pada yang kurang dari lima *uqiyah* (perak) ($5 \text{ uqiyah} = 200 \text{ dirham}$), dan tidak ada zakat pada yang kurang dari lima *awsuq* (gandum).

(Sahih Bukhari)

Hadith Rasulullah SAW, iaitu yang bermaksud:

Diriwayatkan dari Ibn Umar r.a., Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang memperoleh kekayaan, maka tidak ada zakat padanya sehingga Haul telah berlalu semasa ia sedang miliknya."

(Hadith Riwayat Tirmizi)

Umumnya, sesebuah harta itu hanya wajib dikenakan zakat apabila memenuhi syarat-syarat tertentu. Begitu juga zakat ke atas perak yang hanya wajib apabila memenuhi syarat-syaratnya, iaitu:

- i. Milik orang Islam. Zakat hanya dikenakan ke atas orang Islam. Justeru, pemilikan logam perak yang diwajibkan zakat hanyalah pada pemilikan orang Islam sahaja.
- ii. Merdeka. Hamba abdi tidak wajib berzakat kecuali zakat fitrah. Walau bagaimanapun, tidak timbul persoalan hamba abdi masa kini, tetapi syarat merdeka masih lagi dikekalkan sebagai salah satu syarat wajib berzakat.
- iii. Milik sempurna. Harta iaitu perak yang dimiliki mestilah sempurna dalam kekuasaan seseorang dan tidak bersangkutan dengan orang lain. Pemilik juga dapat memperlakukan dan memperoleh manfaat daripadanya.
- iv. Cukup atau melebihi nisab. Nisab zakat perak ialah 200 dirham berpandukan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id Al-Khudri. *Fuqaha* telah bersetuju bahawa 200 dirham adalah bersamaan 595 gram (Al-Qardawi, 1987), dan nilainya dalam bentuk mata wang menjadi pengukur ketetapan nisab zakat perak. Adapun dari sudut konteks amalan di Malaysia, logam perak yang ditempa kepada bentuk-bentuk lain seperti perkakasan, barang perhiasan, barang kemas tetap bersandarkan beratnya setelah pemilikannya melebihi nisab 595 gram.
- v. Genap tempoh haul (setahun). Cukup haul bermaksud genap setahun harta perak itu dimiliki, merujuk kepada hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Umar r.a.

Undang-undang pentadbiran Agama Islam

Di Malaysia, tiada akta atau enakmen khusus berkenaan zakat perak, namun beberapa negeri telah mewujudkan beberapa peruntukan serta tafsiran supaya membantu setiap orang Islam yang layak untuk membayar zakat, iaitu:

i. Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994

Dalam Seksyen 59 menyebut bahawa: “Kecuali diperuntukkan sebaliknya di dalam Enakmen ini, Majlis hendaklah bertanggungjawab secara langsung dalam urusan memungut zakat harta, galian, rikaz dan lain-lain.” Manakala dalam Seksyen 2(Tafsiran)(1) mendefinisikan: “Zakat ertinya sebahagian daripada hartabenda termasuk padi, emas, perak, wang tunai, binatang ternakan, barang-barang perniagaan, harta galian, rikaz dan lain-lain yang wajib dibayar atau dikeluarkan oleh tiap-tiap orang Islam apabila cukup syaratnya mengikut Hukum Syarak.”

ii. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991

Bahagian I-Seksyen 2(Tafsiran)(1) mendefinisikan: “Zakat ertinya sebahagian daripada hasil tahunan penanaman padi dan sebahagian daripada pendapatan perniagaan, ternakan dan termasuklah wang simpanan, emas dan perak menurut Hukum Syarak.” Yakni jika tidak membayar zakat akan didenda mengikut Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982, Bahagian IX Kesalahan, Seksyen 171(1) menyatakan: “Sesiapa yang wajib membayar zakat dan fitrah mengikut penetapan yang sah akan banyaknya dan tidak berjaya mendapatkan pengecualian daripada pembayarannya atau apa-apa keputusan yang lain tidak mahu atau dengan sengaja tidak membayarnya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu bulan atau kedua-duanya.”

iii. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M Fasal 74(5)

Zakat hendaklah dikeluarkan di atas harta benda selain daripada yang tersebut dalam subseksyen (1), (2) dan (4) sebagaimana berikut:


- bagi perak, yang mulai kena dikeluarkan zakat ialah yang beratnya 200 dirham atau lebih, pada kadar $2\frac{1}{2}$ peratus daripada jumlah nilai harga perak yang dimiliki itu;

- bagi emas atau perak yang dijumpai sebagai rikaz, pada kadar 20 peratus daripada jumlah nilai harta yang dijumpai itu.

Zakat dalam Pasaran Komoditi Perak

Malaysia merupakan sebuah negara pengeksport terbesar dalam industri kelengkapan elektrikal dan elektronik, petroleum dan cecair gas asli, produk kayu, getah dan kelapa sawit ke pasaran dunia. Merujuk kepada data Perbendaharaan Negara (2014), Malaysia mencatatkan lebahan terkumpul sebanyak 760 billion dalam imbalan pembayaran negara untuk tempoh tujuh tahun dari 2005 sehingga 2012. Antara pelanggan terbesar Malaysia adalah terdiri daripada negara-negara kuasa besar dalam sektor kewangan seperti Amerika Syarikat, negara Kesatuan Eropah, Jepun dan China.

Namun, situasi ekonomi semasa menggambarkan kejatuhan nilai Dolar Amerika Syarikat (USD) berbanding dengan mata wang lain menyebabkan banyak yang mula menyimpan nilai dalam bentuk aset yang lebih stabil seperti emas dan perak (Ian Tai & Scott Choo, 2012). Perkara ini sudah semestinya akan memberi kesan besar kepada ekonomi Malaysia. Pergantungan besar perniagaan Malaysia pada pasaran Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan negara-negara lain sudah tentu membawa risiko yang berbahaya kepada pelabur-pelabur dalam menangani sebarang kerugian yang dijangka lambat-laun akan melanda negara.



Rajah 1: Indeks Harga Perak

Sumber: Thomson Reuters, 2014.

Menurut laporan Ringkasan Kajiselidik Perak Dunia 2014 oleh Thomson Reuters GFMS (2014), logam perak dijangka menjadi pilihan pelabur hasil sokongan beberapa faktor, antaranya, peningkatan permintaan ekoran nilai harga perak yang rendah selari dengan permintaan pelbagai industri, serta sokongan daripada pasaran ekonomi semasa yang memberi manfaat kepada logam perak sebagai pelaburan selamat dan stabil. Justeru, pelaburan logam perak dijangka mencapai pertumbuhan yang tinggi pada tahun mendatang berdasarkan jangkaan permintaan jumlah dagangan yang akan melonjak, lantas mampu menolak nilai pasaran perak menjadi lebih tinggi.

Potensi kutipan zakat perak

Kini, kuantiti logam perak dunia dikatakan lebih terhad berbanding dengan logam emas (Quek, 2011). Selain itu, wujudnya kawalan harga pasaran oleh syarikat gergasi dunia yang mengekalkan harga perak supaya sentiasa rendah berbanding dengan yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak mungkin berkekalan selama-selamanya ekoran berlakunya perkembangan pelbagai industri yang memerlukan bahan mentah berunsurkan perak, oleh itu membawa kepada peningkatan permintaan logam perak. Justeru, akhirnya memaksa harga perak terus melonjak sejurus penawaran logam ini berkurangan (Quek, 2011). Peningkatan harga perak bererti keuntungan bagi pemilik dan pelabur. Lantas, perak dijangka menjadi alat pelaburan yang berdaya besar, seterusnya mampu membawa pulangan berlipat kali ganda berbanding dengan komoditi utama lain.

Senario sebegini menggambarkan bahawa akan wujud trend peningkatan pemilikan logam perak dalam kalangan masyarakat sama ada atas tujuan simpanan maupun pelaburan. Peningkatan pemilikan logam perak sudah tentunya akan membawa kepada peningkatan pembayaran zakat oleh pelabur Muslim tempatan. Institusi zakat seharusnya bersedia dari sekarang untuk mencipta mekanisme atau kaedah pembayaran zakat perak yang lebih komprehensif dengan mengambil kira pelbagai perkara seperti penyeragaman sumber rujukan harga perak, kaedah kiraan dan mempersiapkan mekanisme menerima bayaran zakat dengan fizikal perak itu sendiri.

Senario dan Konsep Kutipan Zakat Perak di Malaysia

Zakat perak mencatatkan peningkatan jumlah kutipan dari tahun ke tahun bagi sesetengah negeri di Malaysia (Laporan Zakat) berdasarkan Jadual 1 di bawah. Namun, statistik kutipan zakat perak bagi negeri-negeri lain (Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perlis, Sabah dan Sarawak) tidak tersedia kerana termasuk dengan zakat emas.

Jadual 1: Statistik Kutipan Zakat Perak 2010 – 2013

Negeri	2013	2012	2011	2010
Wilayah Persekutuan	41,744.17	12,745.52	8,053.50	8,122.50
Selangor	55,565.00	43,828.00	6,290.00	4,581.00
Pulau Pinang	3,501.15	4,508.59	274.00	-
Perak	5,121.30	3,486.45	2,086.81	2,312.90

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2010, 2011, 2012 dan 2013

Secara umumnya, kutipan zakat perak di Malaysia meningkat dari tahun ke tahun, misalnya di Wilayah Persekutuan yang mencatat pertumbuhan lebih 200% pada tahun 2013 berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu satu peningkatan mendadak hasil daripada pertambahan jumlah bilangan pembayar sebanyak 22% (Laporan Zakat, 2013). Peningkatan jumlah kutipan zakat perak juga berlaku di negeri Selangor pada tahun 2013, iaitu meningkat sebanyak 26% (daripada RM43 ribu kepada RM55 ribu). Oleh itu, boleh dibuat kesimpulan awal bahawa umat Islam di Malaysia semakin banyak memiliki dan menyimpan perak dan akhirnya mempengaruhi jumlah kutipan zakat perak pada tahun tersebut.

Konsep pengiraan zakat perak

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, nisab dijadikan sandaran minimum harta yang harus dimiliki bagi zakat perak dan zakat harta lain. Begitu juga kadar yang wajib ditunaikan atas sesetengah pemilikan. Nisab zakat perak dan kadar pengiraannya adalah diselaraskan dengan hadith berikut yang bermaksud:

“Saidina Ali telah meriwayat bahawa Nabi Muhammad SAW telah bersabda: “Apabila kamu mempunyai 200 *dirham* dan telah cukup haul (genap setahun) diwajibkan zakatnya (2.5%) 5 *dirham*, dan tidak diwajibkan mengeluarkan zakat (emas) kecuali kamu mempunyai 20 *dinar*. Apabila kamu mempunyai 20 *dinar* dan telah cukup haulnya diwajibkan zakatnya setengah (1/40) *dinar*. Demikian juga kadarnya jika nilainya bertambah dan tidak diwajibkan zakat bagi sesuatu harta kecuali genap setahun.”

(Hadith Sahih (Albani) Riwayat Abu Daud)

Justeru, pengiraan zakat perak adalah berlandaskan nas yang sahih dan bertepatan dengan hukum syarak. Institusi zakat negeri-negeri di Malaysia mengamalkan kaedah pengiraan yang serupa dengan melihat kepada

pemilikan perak dalam ukuran berat (gram) dan harga perak semasa. Sebagai contoh, dengan merujuk harga perak semasa (*bullion-rates.com*), sekiranya tempoh haul berakhir pada 31 Disember 2014 dan pemilikan perak dalam tempoh setahun ialah sebanyak 1000 gram maka:

Pengiraan:

- $1000 \text{ gram} \times \text{nilai semasa perak (1 gram)} \times 2.5\%$
- $1000 \text{ gram} \times \text{RM1.77/gram} \times 2.5\%$
- **Jumlah Zakat Perak: RM44.25**

Dalam proses pembayaran zakat perak, pembayar perlu mengeluarkan zakat dalam bentuk wang ringgit (RM). Buat masa ini tiada institusi zakat di Malaysia yang mempunyai mekanisme menerima pembayaran dalam bentuk fizikal atau syiling perak. Pengetahuan nilai perak dalam jumlah wang tunai (RM) menjadi rujukan utama jumlah sebenar zakat yang perlu dibayar.

Ikhtilaf dalam amalan

Pada asasnya, setiap negeri mengamalkan kaedah pengiraan yang serupa, namun pengambilan sumber harga perak semasa adalah berbeza-beza dan tidak tetap. Institusi-institusi zakat juga tidak mempunyai kaedah dalam penentuan nilai atau berat perak yang mempunyai komposisi logam berbeza-beza.

Dari sudut perhiasan pula, *fuqaha* berpendapat perhiasan emas yang dikhususkan untuk pemakaian peribadi (wanita) tidak wajib dikeluarkan zakat melainkan pemilikannya melebihi nilai adat setempat (uruf), maka menentukan kewajipan zakat emas perhiasan adalah mengikut had uruf. Namun, berbeza pula dengan zakat perhiasan perak yang tidak berpandukan uruf setempat, sebaliknya mengikut nisab 595 gram. Perlu juga diambil perhatian bahawa belum ada formula khusus dan tepat bagi menimbang perhiasan perak yang bercampur dengan batu permata dan bahan lain. Kaedah terbaik bagi mendapatkan berat sebenar perak adalah dengan merujuk resit belian yang disimpan oleh pemiliknya (Hamizul, 2012). Seandainya tiada resit belian, maka perlu ditolak berat batu permata berdasarkan andaian dan pengetahuan pemilik perhiasan tersebut.

Perbincangan dan kajian mengenai zakat terhadap pelaburan perak dalam pelbagai bentuk seperti buku simpanan (*passbook*) dan maya (Forex) juga adalah sangat terhad. Justeru, belum ada pelaksanaan yang jelas dalam mengira zakat perak yang dijadikan alat pelaburan. Persoalan timbul apabila sesetengah masyarakat Muslim yang terlibat dalam aktiviti pelaburan perak mula menimbulkan isu kewajipan zakat terhadap pelbagai bentuk dan jenis pelaburan perak. Setiap institusi zakat semestinya perlu berusaha mencari

jalan untuk menjawab persoalan-persoalan ini agar tercapai kaedah pengiraan yang lebih komprehensif, iaitu hendaklah mengambil kira hukum-hakam, jenis produk pelaburan perak yang ditawarkan dalam pasaran (seperti *passbook*, fizikal dan Forex) serta pelan, teknik dan kaedah pelaburan itu dijalankan. Kertas kerja ini menganggap kaedah yang terbaik buat masa ini untuk menjawab persoalan pelaburan perak adalah dengan mengqiaskan hukum kepada hukum pelaburan emas, iaitu dengan merujuk kertas kajian “Analisis Kewajipan Zakat Emas Terhadap Pelaburan Emas di Malaysia” (Lokmanulhakim *et al.*, ISRA Research Paper No. 53/2013) terbitan Akademi Penyelidikan Shari’ah Antarabangsa (ISRA). Dalam kajian tersebut, beberapa bentuk pelaburan emas patuh syariah berserta kaedah berkenaan zakat diulas dan dibincangkan.

Cadangan Penambahbaikan

Kewajipan berzakat adalah antara perkara yang telah mendapat perhatian pihak pemerintah negara dengan tertubuhnya institusi-institusi zakat di setiap negeri. Kesedaran masyarakat Muslim di Malaysia pula semakin meningkat ekoran pelbagai kempen dakwah dan promosi serta penyediaan pelbagai kemudahan dalam saluran pembayaran. Namun, dalam setiap usaha yang dijalankan, semestinya masih ada ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk membantu para pembayar zakat menunaikan kewajipan mereka.

Dari sudut pelaksanaan kutipan zakat perak, kajian ini ingin mencadangkan agar setiap institusi zakat mempergiatkan usaha untuk mempersiapkan mekanisme dan prasarana dalam memperbaiki proses kutipan zakat perak, antaranya:

i. Mekanisme bayaran zakat melalui fizikal perak

Institusi zakat seharusnya merancang dan membina mekanisme baharu untuk menerima pembayaran zakat menggunakan syiling perak atau fizikal perak itu sendiri. Mekanisme yang dimaksudkan merangkumi pembikinan prosedur khusus dalam proses terima bayaran dan proses simpanan fizikal perak itu sendiri di dalam bilik khas bagi tujuan keselamatan dan lain-lain perkara berkaitan. Pembayaran zakat melalui fizikal perak adalah lebih menghampiri sunah dan memudahkan para pembayar yang berhasrat menunaikan zakat dengan kaedah sebegini.

ii. Mempersiapkan prasarana

Perkakasan dan alatan timbangan harus disediakan di setiap kaunter pembayaran zakat. Hal ini bertujuan untuk melengkapkan proses pembayaran terutamanya dalam menyelesaikan masalah mendapatkan berat logam tersebut dan komposisi perak yang bercampur dengan batu permata. Dengan adanya kelengkapan sebegini, amanah zakat yang harus dibayar oleh pembayar mencapai pengiraan yang lebih tepat tanpa wujud unsur kekeliruan.

iii. Promosi dan penyelidikan berterusan

Merujuk perbincangan sebelum ini, logam perak diramal akan lebih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat, terutamanya dalam kalangan penyimpan dan para pelabur. Justeru, institusi zakat seharusnya mula mengorak langkah persediaan lebih awal dan mempergiatkan promosi pembayaran zakat perak kepada masyarakat umum agar kepentingan menuaikan kewajipan zakat perak sampai kepada khayalak. Antara lain, kajian dan penyelidikan seharusnya diperbanyakkan bagi menjawab isu teknikal dari segi pengiraan dan pelaksanaan menyeluruh tentang zakat pelaburan perak.

Kesimpulan

Perak adalah sebahagian daripada sumber kekayaan dalam sistem ekonomi Islam. Sudah menjadi amalan sejak dahulu lagi, logam perak ini dijadikan alat tukaran mata wang dalam kegiatan ekonomi masyarakat. Kini, logam perak beralih kegunaannya daripada sebuah mata wang kepada sejenis komoditi yang digunakan dalam proses pembuatan barang. Hal ini mengakibatkan keperluan terhadap logam perak kian meningkat mengikut kepelbagaiannya industri-industri besar.

Islam telah menetapkan agar perak diwajibkan zakat setelah mencukupi syarat-syaratnya. Hal ini supaya pemilikan harta ini tidak berkisar dalam lingkungan sebahagian manusia sahaja. Islam juga menjamin balasan yang lebih baik bagi sesiapa yang mengeluarkan zakat, seperti yang tersebut dalam al-Quran yang bermaksud:

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang

dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.”

(Surah *al-Baqarah* 2: 261)

Ayat di atas menjelaskan bahawa pengorbanan harta yang dilakukan pada jalan Allah bukanlah perbuatan yang sia-sia dan merugikan, sebaliknya akan mendatangkan keuntungan yang berlipat kali ganda. Inilah perumpamaan yang diberikan Allah SWT mengenai gandaan pahala bagi orang yang menafkahkan harta kekayaannya mengikut jalan-Nya dengan tujuan mencari keredaan Allah SWT.

Walau bagaimanapun, institusi zakat seharusnya bersedia dengan kaedah dan prasarana yang mencukupi bagi memudahkan masyarakat menunaikan kewajipan berzakat. Kini, wujud pula fenomena baharu masyarakat untuk melabur dalam pelbagai skim pelaburan perak, dengan melihatkan senario ekonomi semasa yang berubah dari tahun ke tahun. Justeru, setiap institusi zakat semestinya perlu meneruskan usaha membuat lebih banyak penyelidikan sehingga mampu diaplikasikan terus ke dalam aktiviti dakwahnya.

Rujukan

- Al-Qardawi, Yusuf. (1987). *Hukum Zakat*. Jakarta: Pustaka Litera AntarNusa.
- Al-Shariff, Ahmad Ibrahim. (1965). *Makkah Wa Al-Madinah Fi Al-Jahiliyyah Wa Al-Cahd Al-Rasul*. Baghdad: Dar al-Fikr.
- Hamizul A. Hamid. (2012). *Eksklusif Zakat*. Galeri Ilmu: Petaling Jaya.
- Hasan, Bahrom. (2011). *Zakat Emas dan Perak: Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA). 121 - 131.
- Ian Tai & Scott Choo. (2012). *Silver: Secrets To Invest and Grow Your Wealth in God-Made Money Instead of Man-Made Money*. Kuala Lumpur: Kanyin Publications.
- Imam Muslim ibn al-Hajjaj al-Naysaburi. *Sahih Muslim*: Bab Zakat (Chapter 12: The Book of Zakat). Dimuat turun daripada <http://sunnah.com/muslim>
- Imam Muhammad al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*: Bab al-Iman (Chapter 2: Belief). Dimuat turun daripada <http://sunnah.com/bukhari>

Kementerian Kewangan Malaysia. (11 September 2014). Dimuat turun daripada
http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=2702&Itemid=2481&lang=ms

Lokmanulhakim Hussain, Mohamed Fairooz Abdul Khir & Mohd Bahroddin Badri. (2013). *Analisis Kewajipan Zakat Emas terhadap Pelaburan Emas di Malaysia*. Kertas Penyelidikan ISRA No.53/2013. ISRA: Kuala Lumpur

Mujaini Tarimin. (2012). *Zakat Al-Mal Al-Mustafad Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. PPZ-MAIWP: Kuala Lumpur

Pusat Pungutan Zakat. *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2010*: PPZ-MAIWP: Kuala Lumpur

Pusat Pungutan Zakat. *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2011*: PPZ-MAIWP: Kuala Lumpur

Pusat Pungutan Zakat. *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2012*: PPZ-MAIWP: Kuala Lumpur

Pusat Pungutan Zakat. *Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2013*: PPZ-MAIWP: Kuala Lumpur

Quek, J. (2011). *Why Gold? Why Silver? Why Now?: How You Can Profit from Precious Metal*. Selangor: True Wealth Sdn Bhd.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an cetakan kedua puluh dua (2013). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Kuala Lumpur.

Thomson Reuters GFMS. (2011). *The Silver Investment Market – An Update*: Aldgate House, London, United Kingdom. Dimuat turun daripada <https://www.silverinstitute.org/site/wp-content/uploads/2011/06/WSS2014Summary.pdf>

Wan Kamal, Mujani. (2009). *Sejarah Dinar Menyusuri Zaman*. Prosiding Seminar Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar 2009. 27 Ogos 2009. JAKIM: Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi.

Statut-statut:

- Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991

- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M